

Dr. M diminta timbang rayuan

'KUALA LUMPUR 8 Sept. - Tun Dr. Mahathir Mohamed dinasihatkan agar mempertimbangkan rayuan UMNO Bahagian Kubang Pasu supaya menarik diri daripada merebut salah satu kerusi perwakilan bahagian esok.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, tindakan bekas Perdana Menteri itu dilihat tidak sesuai memandangkan pertandingan tersebut hanyalah di peringkat perwakilan sahaja.

Menurutnya, Dr. Mahathir pernah menduduki jawatan tinggi dalam parti itu serta menjadi perdana menteri sebelum ini dan sepatutnya beliau memikirkkan semula hasratnya untuk terus berbuat demikian.

"Kita menghormati Tun sebagai seorang yang pernah berjasa kepada pembangunan parti dan negara.

"Bagaimanapun, keputusannya untuk merebut kerusi perwakilan G7 dilihat tidak setaraf dengan beliau yang pernah menduduki jawatan tertinggi dalam parti.

"Perkara seperti ini tidak pernah berlaku dalam sejarah UMNO dan Tun perlu mempertimbangkan rayuan itu demi men-



MOHD ALI RUSTAM

jaga imejnya walaupun beliau mempunyai hak untuk berbuat demikian," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu merupakan antara 17 calon yang layak bertanding bagi

Tindakan bekas Perdana Menteri itu dilihat tidak sesuai memandangkan pertandingan tersebut hanyalah di peringkat perwakilan sahaja.

MOHD. ALI RUSTAM
Naib Presiden UMNO

merebut tujuh kerusi perwakilan pada persidangan perwakilan UMNO,? Bahagian Kubang Pasu.

Dr. Mahathir, 80, yang memimpin kerajaan selama 22 tahun kini berada pada kedudukan ke-16 dengan inndapat 15 pencalonan daripada 138 di peringkat cawangan.

Bagaimanapun, keputusan itu dilihat setengah pihak sebagai satu perkara yang luar biasa memandangkan ia pertama kali berlaku dalam sejarah parti politik terbesar di negara ini.

Bagaimanapun, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak telah menjelaskan bahawa UMNO tidak menghalang beliau untuk menjadi perwakilan sempena Perhimpunan Agung parti itu

November ini.

Malah, beliau memberitahu bahawa Dr. Mahathir juga bebas berbuat demikian dan tidak mempunyai sebarang cubaan untuk menyekat hasrat bekas presiden parti itu.

Dalam pada itu, Mohd Ali yang juga Ketua Menteri Melaka berkata, Dr. Mahathir tidak perlu menjadi perwakilan bagi menyuarakan pendapatnya memandangkan masih banyak saluran yang boleh digunakan untuk berbuat demikian.

"Kita mempunyai banyak saluran lain yang boleh digunakan untuk menyuarakan pandangan berbanding menjadi perwakilan yang hanya duduk mendengar serta bercakap mengikut peruntukan tempoh masa tertentu sahaja," jelasnya.